

Beras cukup

BEKALAN beras Super Tempatan (ST15) yang penggunaannya disasarkan kepada kepada golongan berpendapatan rendah adalah terkawal dan masih mencukupi di pasaran, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Rohani Abdul Karim.

Katanya, dakwaan yang mengatakan bahawa bekalan beras itu berkurangan di pasaran adalah tidak benar memandangkan setakat ini sebanyak 75,106.48 tan metrik sebulan diagihkan di pasaran.

“Bekalan beras yang dikawal harganya sejak 1998 ini masih cukup dan terkawal,” katanya menjawab soalan Senator Muhamad Yusof Husin pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Rohani berkata, ketika krisis beras melanda negara pada tahun lalu yang menyebabkan bekalan beras ST15 berkurangan di pasaran, kerajaan mengambil langkah dengan memberi subsidi kepada pengilang sebanyak RM800 bagi setiap tan metrik beras itu yang dikeluarkan bagi tempoh fasa pertama iaitu dari 1 September 2008 hingga 31 Mac 2009.

Bagaimanapun, katanya beberapa perubahan dibuat pada fasa kedua bagi mengurangkan ketirisan pemberian subsidi berkenaan bagi tempoh 1 April hingga 20 September 2009.

“Pemberian subsidi kepada pengilang berkurang kepada RM750 metrik tan, pengeluaran beras pula dihadkan kepada 24 kompleks Bernas dan 45 kilang Bumiputera di bawah skim pusat belian.

“Bekalan beras juga diagihkan secara bulanan dan dibuat mengikut sektor pasar raya, pemborong Bumiputera, kontrak kerajaan, pemborong swasta dan jualan terus daripada kompleks Bernas,” katanya.

Dalam pada itu, Rohani berkata bagi memastikan beras berkenaan cukup untuk bekalan orang ramai, kementerian mengarahkan semua Pejabat Kawalselia Padi dan Beras di setiap negeri menjalankan pemeriksaan di peringkat kilang pemborong dan peruncit.

“Orang ramai diharap tampil membantu bagi memberi maklumat mengenai mana-mana pihak yang cuba mendapat untung dengan menyalahgunakan bekalan beras ST15 peratus ini. “Ganjaran turut diberi kepada pemberi maklumat penyelewengan bekalan beras itu,” katanya.

Rohani berkata, langkah diambil bagi mengelak berlaku penyelewangan terhadap bekalan beras ST 15 oleh pihak tidak bertanggungjawab.